

03/11/2002

Malaysia terus jadi destinasi pelabur asing: TPM

PERMATANG PAUH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan terus menjadi destinasi utama pelabur asing jika rakyatnya mampu menunjukkan kemahiran dan kebolehan mereka dalam pelbagai bidang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jika dulu sektor perindustrian di negara ini bimbang kemungkinan pelabur asing berpindah ke negara lain terutama China sebagai kuasa ekonomi baru, namun ia tidak berlaku sebaliknya Malaysia terus kekal menjadi destinasi menarik pelabur asing.

Beliau berkata, terbaru sebuah syarikat Teknologi Maklumat (IT) terkemuka dunia, IBM datang melabur di negara ini dengan mengeluarkan komputer peribadi (PC) dengan tanda 'Buatan Malaysia'.

Katanya, sebelum membuat keputusan melabur di negara ini, IBM menjalankan pengauditan terhadap kilang berkenaan (Sanmina-SCI Pulau Pinang) yang terletak di Taman Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Prai Tengah.

"Apa yang membanggakan daripada pengauditan itu tidak ada komen negatif yang dibuat dan IBM membuat keputusan untuk melabur di negara ini," katanya berucap dalam majlis perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Maktab Perguruan Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, di sini semalam.

Turut hadir dalam majlis itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Ketua Umno Bahagian Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad.

Abdullah berkata, pelabur sentiasa membuat kajian dan penelitian rapi sebelum memutuskan untuk membuat sesuatu pelaburan terutama kestabilan politik di rantau ini.

Katanya, kestabilan serta kemakmuran negara yang dikecapi ketika ini tidak datang dengan mudah tetapi pembangunannya di rancang dengan teliti sejak bertahun-tahun lalu oleh pemimpin negara terutama Perdana Menteri.